



**JABATAN DAERAH TUTONG**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

BILANGAN TAWARAN	TAJUK TAWARAN	YURAN TAWARAN
Q.JDT/04/2023	<b>SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA PEMASANGAN PAPAN TANDA PENGHULU MUKIM DAN KETUA KAMPUNG</b>	\$5.00

**SYARAT-SYARAT TAWARAN:**

**KRITERIA PEMBORONG**

- Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

**YURAN TAWARAN**

- Yuran tawaran adalah sebanyak **B\$5.00** sahaja. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan (*non-refundable*). Walau bagaimanapun, yuran akan dikembalikan jika: (i) tawaran dibatalkan oleh Kementerian/Jabatan; dan/atau (ii) penender mengembalikan dokumen tawaran yang belum diisikan sebelum tarikh tutup tawaran.

**TEMPAT MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN**

- Dokumen-dokumen terperinci tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi setelah bayaran **Yuran Tawaran dibuat di Unit Kewangan dan Stor, Tingkat 2, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tutong TA1141, Brunei Darussalam** pada setiap hari bekerja sahaja iaitu:

ISNIN HINGGA KHAMIS	8.00 Pagi hingga 12 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang
SABTU	8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi

**TARIKH TUTUP MENGHADAPKAN TAWARAN**

- Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat pada **Hari Khamis, 30 Mac 2023 jam 2.00 petang**.
- Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

**TATACARA MENGHADAPKAN TAWARAN**

- Tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan lampiran-lampiran yang diperlukan dalam **LAMPIRAN A** dengan **LENGKAP DAN TERATUR**.
- Tawaran hendaklah dihadapkan menggunakan sampul surat biasa yang **dimeterai dan ditutup rapi (sealed)** berserta dengan salinan resit yuran tawaran serta ditulis bilangan, tajuk tawaran, dan tarikh tutup tawaran di bahagian atas sebelah kiri sampul surat tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada:

**PENGERUSI  
JAWATANKUASA SEBUTHARGA  
JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
TUTONG TA1141  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

- Tawaran hendaklah dimasukkan ke **Peti Sebutharga, Tingkat 4, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**.

## **SYARAT-SYARAT LAIN**

- Pemborong hendaklah terlebih dahulu untuk membaca, memahami dan meneliti semua isi kandungan di dalam Dokumen Tawaran ini.
- Pemborong hendaklah memastikan jumlah yang dinyatakan adalah tepat dan sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.
- Pemborong hendaklah memastikan jumlah yang dinyatakan di dalam Borang Spesifikasi Tawaran adalah selaras dengan jumlah yang dinyatakan di Borang Pengakuan Syarikat.
- Pemborong hendaklah memastikan jumlah dalam perkataan adalah sama dengan harga tawaran dalam angka. **Jika tidak sama, tawaran dianggap tidak sah.**
- Pemborong hendaklah mengambil maklum bahawa sekiranya pemborong yang berjaya mendapat tawaran mempunyai hutang dengan Kerajaan, maka pemborong berkenaan hendaklah bersetuju bagi hutang-hutang berkenaan dibayar kepada Kerajaan melalui potongan bayaran perkhidmatan atau perbekalan yang ditawarkan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.